

## Koleksi Peta

Koleksi Peta yang terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia adalah koleksi peta yang diterima daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Negara (JUPEM). Ia merupakan peta topografi yang merangkumi seluruh Semenanjung Malaysia. Koleksi ini terdiri daripada peta terhad dan tidak terhad.

Perpustakaan Negara Malaysia mula menerima peta yang dikeluarkan oleh JUPEM pada tahun 2004. Sehingga kini, Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai 10,290 helai koleksi peta.

### Mengakses Koleksi Peta

Bahan ini tidak boleh dibuat salinan sama ada menggunakan kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya. Mereka yang ingin berbuat demikian perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Ukur dan Pemetaan Negara (JUPEM) terlebih dahulu.

Koleksi Peta ditempatkan di Aras 8, Menara PNM, Perpustakaan Negara Malaysia. Sekiranya rujukan diperlukan, pengguna perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu dengan menghantar e-mel ke [prmln@pnm.gov.my](mailto:prmln@pnm.gov.my) atau [webmaster@pnm.gov.my](mailto:webmaster@pnm.gov.my).



Ilustrasi di atas merupakan contoh peta topografi yang dikumpul di PNM

Koleksi Peta ditempatkan di Aras 8, Menara PNM.

Hubungi:

Unit Koleksi Khas

Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

Aras 10, Menara PNM

232, Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur

Telefon: 03-2687 1700 sambungan 1816

E-mel: [prmln@pnm.gov.m](mailto:prmln@pnm.gov.m)